

TEKS UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI

DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PECAH TANAH

PROJEK JALAN DARI KAMPUNG KUPANG KE SIMPANG JALAN BAJAU, SARATOK, SARAWAK

TARIKH/ MASA:

22 JUN 2025 (AHAD), 10.00 PAGI

TEMPAT:

RH. RENGAN, SELAMBONG, SARATOK, SARAWAK

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Bismillahhirrahmannirrahim

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis

SALUTASI

MUKADDIMAH

1. Dalam lipatan sejarah pembangunan negara, kita telah belajar satu hakikat penting bahawa jalan bukan sekadar laluan fizikal, tetapi simbol harapan dan pemangkin perubahan.

   Di mana ada jalan, di situlah bermula kemajuan. Di mana ada *connectivity* yang baik, di situlah lahirnya masa depan yang lebih cerah.

2. Pembangunan infrastruktur jalan membuka lebih dari sekadar akses ke sekolah, klinik dan pasar. Ia membuka pintu kepada **peluang ekonomi, membawa masuk pelaburan, dan mencetuskan gelombang keusahawanan tempatan** yang mampu mengangkat martabat sesebuah komuniti.

3. Bayangkan jika ada seorang pengusaha akar kayu atau herba kampung, yang selama ini hanya bergantung

kepada laluan denai untuk membawa hasil hutan keluar. Produktivitinya terbatas, hasilnya tidak dapat dibawa dalam jumlah besar. Tetapi apabila ada jalan berturap dan perhubungan yang baik, barulah usahawan desa ini boleh mengembangkan perniagaannya, meningkatkan jualan, malah menembusi pasaran yang lebih luas dari Saratok hingga ke bandar besar, dan mungkin sampai ke luar negara.

4. Justeru, saya amat bersyukur kerana hari ini kita dapat bersama-sama dalam Majlis Pecah Tanah projek Jalan dari Kampung Kupang ke Simpang Jalan Bajau, Saratok. Projek ini bukan sahaja akan mengubah landskap fizikal kawasan ini, tetapi lebih penting, ia akan mengubah perjalanan hidup masyarakat setempat, Insya-Allah, untuk selama-lamanya.

INISIATIF KERAJAAN TERHADAP PEMBANGUNAN DESA

Hadirin sekalian,

5. Kita semua sedia maklum bahawa Kerajaan MADANI yang dipimpin oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sentiasa berpegang teguh kepada prinsip bahawa pembangunan mesti menyeluruh dan bersifat

inklusif bagi memastikan tiada siapa yang dipinggirkan atau *no one is left behind*.

6. Maka sebab itulah, walaupun negara sedang melalui cabaran ekonomi global, pembangunan kawasan luar bandar tetap menjadi keutamaan. Melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), kementerian ini diberikan pertanggungjawaban untuk memastikan rakyat negeri ini, khususnya di kawasan luar bandar turut menikmati kemudahan asas dan infrastruktur yang setara dengan kawasan lain di Malaysia.

7. Jika kita lihat di bawah Rolling Plan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe12), **Sarawak telah menerima peruntukan keseluruhan berjumlah RM16.34 bilion dari tahun 2021 hingga 2025. Untuk tahun ini, sebanyak RM772.52 juta diperuntukan bagi melaksanakan 32 projek baharu berjumlah RM11.23 juta dan 281 projek sambungan berjumlah RM761.29 juta.**

8. Selain itu, **sebanyak RM9.585 billion melibatkan 142 projek secara keseluruhannya yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Madani melalui Kementerian ini bagi projek jalan dan jambatan di Sarawak. Khususnya di daerah Saratok terdapat**

sebanyak 6 projek dengan kos keseluruhan sebanyak RM 383.5 juta.

9. Inilah bukti keprihatinan dan komitmen Kerajaan dalam memastikan tiada komuniti yang terpinggir, terutama di kawasan pedalaman dan luar bandar.

10. **Sebab itulah kehadiran saya ke Sarawak berlaku dengan begitu kerap.** Kerana saya mahu memastikan bahawa setiap peruntukan infrastruktur asas, sama ada Jalan Luar Bandar (JALB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), mahupun kemudahan sosial yang lain, **bukan sahaja sampai kepada rakyat negeri ini, tetapi juga dilaksanakan mengikut garis masa yang telah ditetapkan, tanpa sebarang kelewatan.**

MAJLIS PECAH TANAH PROJEK JALAN KAMPUNG DI SARATOK

11. Lihatlah Majlis Pecah Tanah projek Jalan Dari Kampung Kupang Ke Simpang Jalan Bajau pada hari ini, ianya antara inisiatif Kerajaan melalui KKDW untuk memastikan pembangunan infrastruktur dirasai secara saksama oleh setiap negeri, bahkan setiap daerah di Sarawak.

12. Projek ini telah diluluskan di bawah **Program Jalan Luar Bandar (JALB) KKDW dengan kos RM122.5 juta**, dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak dilantik sebagai Agensi Pelaksana bagi projek ini.

13. Projek ini telah dimulakan pelaksanaannya pada **14 Januari 2025 dan dijangka dapat disiapkan sepenuhnya dalam tempoh masa 32 bulan iaitu pada 14 September 2027.** Pelaksanaannya pula melibatkan skop kerja menaik taraf jalan sedia ada kepada jalan berturap dengan piawaian JKR sepanjang **19.9km dan membina lima (5) buah jambatan.**

14. Insya-Allah, **dengan adanya connectivity baharu ini, satu lembaran baru akan terbuka untuk sekurang-kurangnya 5,000 penduduk sekitar, khususnya di Kampung Kupang.** Selepas ini, lebih mudah dan dekat bagi penduduk di Rumah Rabiah, Rumah Ganing, Rumah Rengan, Rumah Lakon, Rumah Anau, SK Sungai Entebu, SK Nanga Abu, Rumah Bajau Baru dan kawasan lain untuk berulang-alik ke Pekan Saratok.

15. Selain laluan yang lebih selesa dan selamat, masyarakat di sini juga akan menikmati penjimatan masa perjalanan sehingga 1 jam untuk ke Pekan Saratok di mana ketika ini ianya mengambil masa selama 2 jam — sekaligus

membantu merangsang pembangunan sosioekonomi Saratok dan sekitarnya, serta mewujudkan peluang pekerjaan dan industri baharu.

16. Oleh itu, saya ingin mengingatkan kepada kontraktor yang terpilih agar melaksanakan kerja-kerja pembinaan ini mengikut jadual dan spesifikasi yang telah ditetapkan. Pemantauan secara berkala oleh pihak JKR Sarawak juga amat penting untuk memastikan kemajuan dan kualiti kerja sentiasa berada dalam kawalan.

17. Ini kerana rakyat hari ini bukan hanya mahukan kewujudan infrastruktur semata-mata. Mereka mahukan **infrastruktur yang berkualiti, siap tepat pada masanya, dan benar-benar memberikan manfaat yang menyeluruh.** Barulah projek seperti ini dapat dinikmati sepenuhnya oleh seluruh masyarakat.

GALAKAN MENYERTAI AKTIVITI KEUSAHAWANAN

Hadirin sekalian,

18. Kemajuan infrastruktur seperti jalan raya ini bukan sekadar menghubungkan kampung ke pekan, tetapi juga membuka peluang kepada pertumbuhan ekonomi setempat. Oleh itu saya ingin masyarakat di kawasan ini untuk mengambil kesempatan daripada kemudahan ini

dengan menceburi bidang keusahawanan, sama ada dalam **sektor pertanian moden, kraftangan, e-dagang mahupun pelancongan komuniti.**

19. Di bawah KKDW, kita ada banyak inisiatif untuk membantu para usahawan seperti **Program Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB), Program Peningkatan pendapatan (PPP), Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED)** termasuk program keusahawan yang dikendalikan oleh agensi-agensi di bawah KKDW seperi MARA, RISDA, FELCRA dan lain-lain.

20. Kesemua inisiatif ini bertujuan untuk memberi akses kepada penduduk desa untuk menyertai ekosistem keusahawanan sebagai salah satu strategi utama untuk **membasmi kemiskinan tegar** dan **menjana peluang pekerjaan baharu** secara berterusan di luar bandar. Apabila ada kemudahan, ada sokongan dan ada semangat, keusahawanan desa boleh menjadi jalan keluar dari belenggu kemiskinan.

21. KKDW juga akan menganjurkan **Karnival Usahawan Desa 2025**, yang bakal digabungkan dalam satu **Karnival Mega 3 Dimensi** bersama FELDA (sempena Hari

Peneroka Felda) dan KUSKOP (Satu Daerah Satu Industri) pada **30 Julai hingga 3 Ogos akan datang**.

22. Saya mahu melihat kehadiran usahawan-usahawan dari Sarawak, dan saya mahu produk-produk tempatan Sarawak dipamerkan dengan bangga. **Insya-Allah, saya sendiri akan hadir dan melihat sendiri hasil kreativiti serta inovasi anak-anak Sarawak di pentas nasional ini.**

23. Justeru, rebutlah peluang yang ada. Jangan tunggu peluang datang kepada kita - **kita sendiri perlu mencipta peluang itu** dengan semangat, dengan ilmu, dan dengan sokongan kerajaan yang sedia membantu.

MEMPERTAHANKAN KESTABILAN KERAJAAN

Hadirin sekalian,

24. **Kestabilan politik yang kita kecapi hari ini adalah asas kepada segala bentuk kemajuan.** Tanpa kestabilan, tiada perancangan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Alhamdulillah, hubungan erat dan saling mempercayai antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak membolehkan kerjasama yang harmoni dan profesional demi kesejahteraan rakyat negeri ini.

25. Kita pernah melalui fasa ketidaktentuan politik, dan kita tahu betapa sukarnya bergerak ke hadapan dalam suasana yang tidak stabil. Namun hari ini, suasana itu telah berubah. Pemimpin dan pelabur dari dalam dan luar negara kini kembali hadir saban bulan, membuktikan keyakinan terhadap kepimpinan negara.

26. Sebagai **Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Pelancongan dan Kebudayaan (JKPK)**, saya tidak mahu Sarawak ketinggalan. Sarawak memiliki kekayaan budaya, kepelbagaian produk pelancongan, serta warisan unik yang mampu menjadi pemacu utama kepada **Kempen Tahun Melawat Malaysia 2026 (TMM 2026).**

27. Kita telah menetapkan sasaran sebanyak **35.6 juta pelawat antarabangsa** dengan potensi pulangan ekonomi mencecah **RM147.1 bilion** sempena TMM 2026. Maka di sinilah pentingnya peranan kita semua untuk memanfaatkan kestabilan politik serta jaringan hubungan yang erat ini demi menarik lebih ramai pelawat ke Sarawak.

28. Kenapa saya yakin Sarawak mampu melakukannya? Kerana prestasi semasa sudah membuktikannya. **Dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini sahaja, Sarawak menerima lebih 1.6 juta pengunjung**, menjana

hasil pelancongan sebanyak **RM4.07 bilion.** Insya-Allah, **kita berada di landasan tepat untuk mencapai sasaran 5 juta pelancong dan RM12.73 bilion hasil pelancongan bagi tahun 2025.**

PENUTUP

Hadirin sekalian,

29. Segala usaha pembangunan yang dilaksanakan, daripada infrastruktur jalan, pemerkasaan desa, hingga sokongan keusahawanan membuktikan bahawa kemajuan desa bukan lagi sekadar impian, tetapi menjadi realiti pada hari ini.

30. Semoga Allah SWT mempermudahkan perjalanan pelaksanaan projek ini dan memberikan kemakmuran kepada rakyat Saratok.

31. Dengan lafaz “Bismillahhirrahmannirrahim”, saya dengan ini merasmikan **Majlis Pecah Tanah Projek Jalan Dari Kampung Kupang Ke Simpang Jalan Bajau, Saratok, Sarawak.**

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.